

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/06/09  
Tarikh : // Oktober 2013

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No.12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T : +603 8870 8504 F : +603 8888 8633  
Toll Free : 1-800-2222-78

Semua Pengilang & Pengimport  
Kelengkapan Elektrik

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN: KETETAPAN SATU(1) PERAKUAN KELULUSAN (COA) BAGI SATU MODEL KELENGKAPAN ELEKTRIK**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, surat pemakluman awal bil. ST(IP/JKE)KE/06/09(02) bertarikh 18 Mac 2013 dan surat penangguhan pelaksanaan ketetapan satu(1) perakuan kelulusan (*Certificate of Approval - COA*) bagi satu model kelengkapan elektrik bertarikh 27 Jun 2013.

2. Ingin dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Tenaga telah menyemak dan menimbang semula rayuan dari pihak industri bagi ketetapan satu(1) COA bagi setiap model kelengkapan elektrik yang dikeluarkan sebelum ini.

3. Dengan ini dimaklumkan bahawa mulai **1 Januari 2014**, selaras dengan kehendak Jadual Kedua Bahagian XIII, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, satu(1) COA akan dikeluarkan bagi setiap model kelengkapan elektrik seperti di **Lampiran A** sahaja. Ketetapan ini tidak terpakai pada pertukaran model yang hanya melibatkan perbezaan warna atau pun *cosmetic design*.

4. Pelaksanaannya kaedah kelulusan seperti di atas adalah terpakai kepada keadaan-keadaan seperti berikut:-

- (i) semua permohonan COA baru; dan
- (ii) permohonan pembaharuan COA yang tamat pada atau selepas 1 Januari 2014.

5. Bagi kelengkapan-kelengkapan lain dalam kategori selain dari yang dinyatakan di dalam Lampiran A, pengeluaran satu(1) COA bagi setiap model kelengkapan elektrik adalah digalakkan. Bagaimana pun pengilang dan pengimport adalah diingatkan bahawa pengeluaran satu(1) COA untuk berbilang model kelengkapan boleh menyebabkan keseluruhan COA terbatal jika terdapat salah satu dari model yang disenaraikan gagal dalam ujian konsainmen.

6. Dengan ini, surat penangguhan ketetapan satu(1) COA bagi satu(1) model kelengkapan elektrik, rujukan ST (IP/JKE) KE/06/09, yang dikeluarkan pada tarikh 27 Jun 2013 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.



**(DATUK Ir. AHMAD FAUZI HASAN)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga

Sk.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya Ketua Setiausaha

Semua Pengarah-Pengarah Jabatan  
Suruhanjaya Tenaga

Semua Pengarah-Pengarah Kawasan  
Suruhanjaya Tenaga.

## Lampiran A

**SENARAI KATEGORI KELENGKAPAN YANG DITETAPKAN UNTUK  
SATU(1) COA BAGI SETIAP MODEL KELENGKAPAN ELEKTRIK**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Kelengkapan</b>	<b>No. Kategori Kelengkapan</b>
1	<b>PORTABLE LUMINAIRE LAMP</b>	<b>11</b>
2	<b>KETTLE including HEATING ELEMENTS IF SUPPLIED SEPARATELY</b>	<b>12</b>
3	<b>KITCHEN MACHINE</b>	<b>13</b>
4	<b>TOASTER / OVEN (Cooking Appliance)</b>	<b>14</b>
5	<b>RICE COOKER</b>	<b>15</b>
6	<b>REFRIGERATOR</b>	<b>16</b>
7	<b>IMMERSION WATER HEATER</b>	<b>17</b>
8	<b>WATER HEATER including HEATING ELEMENTS IF SUPPLIED SEPARATELY</b>	<b>18</b>
9	<b>WASHING MACHINE</b>	<b>19</b>
10	<b>FAN</b>	<b>20</b>
11	<b>HAND OPERATED HAIR DRYER/ HAIRCARE/ SKIN CARE</b>	<b>21</b>
12	<b>IRON</b>	<b>22</b>
13	<b>SHAVER</b>	<b>23</b>
14	<b>VAPORISER</b>	<b>24</b>
15	<b>VACUUM CLEANER</b>	<b>25</b>
16	<b>HI-FIDELITY SET</b>	<b>26</b>
17	<b>VIDEO and VISUAL DISPLAY UNIT</b>	<b>27</b>
18	<b>AUDIO and VIDEO PLAYER UNIT</b>	<b>28</b>
19	<b>MASSAGER</b>	<b>29</b>
20	<b>AIR CONDITIONER</b>	<b>30</b>
21	<b>CHRISTMAS LIGHT</b>	<b>31</b>
22	<b>DOMESTIC POWER TOOLS (Portable Type)</b>	<b>32</b>

Note: Regulated Electrical Equipments are to be tested to the specified standards.

They may test the equipment to later year/ amendments of standard than the year/amendment specified above are also acceptable.